

Headline	Penhijauan Malaysia: Kempen lima tahun tanam 100 juta pokok mula tahun depan		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	23 Dec 2020	Color	Black/white
Section	General News	Circulation	11,223
Page No	13	Readership	33,669
Language	Malay	ArticleSize	240 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 487
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,461



**LANCAR:** Shamsul Anuar (dua, kiri) bersama timbalannya Ali Biju (dua, kanan) memegang benih pokok herba sebagai gimik Pra Pelancaran Program Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 di Wisma Sumber Asli semalam. Turut kelihatan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli Datuk Zurinah Pawanteh (kiri) dan Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Datuk Mohd Ridza Awang (kanan). — Gambar Bernama

## Penhijauan Malaysia: Kempen lima tahun tanam 100 juta pokok mula tahun depan

**PUTRAJAYA:** Malaysia mengerakkan usaha penghijauan negara melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang dilaksanakan selama lima tahun bermula tahun depan sehingga 2025.

Diterajui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli melalui kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan jabatan perhutanan negeri, kempen itu melibatkan usaha mengerakkan masyarakat untuk bersama-sama kerajaan menanam pokok bagi mencapai sasaran itu.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah dalam sidang media selepas majlis pra-pelancaran Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 di sini semalam, berkata sebanyak 20 juta pokok disasarkan dapat ditanam di seluruh negara pada tahun pertama pelaksanaan kempen itu.

Beliau berkata, jabatan-jabatan di bawah kementeriannya akan memfokuskan kepada penanaman pokok kebangsaan iaitu pokok Merbau dan spesies pokok yang semakin pupus manakala orang awam termasuk sektor swasta

dan badan bukan kerajaan digalakkan menanam pokok berkayu dan berbatang.

“Tanamlah satu pokok. Kalau seluruh rakyat Malaysia tanam (pokok), ia akan mempercepatkan kita capai sasaran,” katanya.

Shamsul Anuar berkata, pemantauan terhadap pelaksanaan kempen yang bertemakan ‘Penhijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita’ itu akan dibuat menggunakan aplikasi Penhijauan Malaysia dan laman web [www.100jutapokok.gov.my](http://www.100jutapokok.gov.my).

“Kedua-dua aplikasi mudah alih dan laman web ini boleh diakses oleh semua kementerian, jabatan dan orang awam yang berfungsi sebagai kaunter yang akan merekodkan jumlah pokok yang telah ditanam sepanjang kempen berlangsung,” katanya.

Agensi di bawah kementerian seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) akan turut memantau pelaksanaan dan penjagaan pokok-pokok yang ditanam dalam kempen itu, katanya.

Mengenai kempen tersebut, Shamsul Anuar ber-

kata ia dilaksanakan untuk menyebarluaskan kepada rakyat tentang kepentingan memelihara kawasan berhutan serta mengekalkan komitmen Malaysia semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio De Janeiro untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan hutan.

“Kempen ini juga bertujuan menyedarkan masyarakat berhubung kepentingan hutan dalam usaha menangani isu perubahan iklim. Pokok yang ditanam akan memberikan manfaat kepada semua hidupan di muka bumi iaitu memberikan oksigen dan menyejukkan persekitaran termasuk juga menyumbang kepada pencapaian Matlamat ke-15 SDG (Matlamat Pembangunan Mapan) iaitu Life Of Land,” katanya.

Menurut beliau, majlis pelancaran Kempen Penanaman 100 Juta Pokok peringkat kebangsaan akan disempurnakan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 5 Januari di Seri Perdana di sini dan dilancarkan serentak oleh menteri besar dan ketua menteri di negeri masing-masing. — Bernama